

LAMBAKAN SOTONG DI TERENGGANU

Tak pengaruhi harga di Lembah Klang

Metro Bhood 11/6/2023 MCI: 9

Kuala Lumpur: Lambakan sotong di perairan Terengganu, tidak banyak mempengaruhi bekalan dan harga hasil laut itu di kawasan lain terutama Lembah Klang.

Peniaga hasil laut Pasar Chow Kit, Fazlan Amran, 26, berkata, bekalan diperolehi mereka daripada pasar borong kebanyakannya dari Kuala Selangor, Selangor dan negeri di utara selain pantai timur.

Katanya, melalui pengalamannya, musim sotong di Terengganu tidak ba-

nyak mempengaruhi banyaknya bekalan dan kurnangnya harga hasil laut itu.

“Apa yang saya diberitahu pembekal, bekalan sini banyak dari Kuala Selangor dan negeri bahagian utara serta bakinya Terengganu kerana kebanyakan hasil sotong dari negeri itu dieksport ke Thailand.

“Sekarang bekalan memang berkurangan, kalau ada pun masuk dua minggu sekali saja itupun dapat dengan harga mahal.

“Biasa untuk sotong saiz S kita dapat RM12 satu kilogram (kg) dan jual kepada pengguna RM10 hingga RM12 tetapi apabila pembekal naikkan harga sekarang kepada RM14, kita terpaksa jual RM16,” katanya.

Tinjauan Harian Metro di Pasar Chow Kit mendapati, kebanyakan peniaga menjual sotong pada harga RM14 ke RM16 satu kg untuk saiz S diikuti RM20 (M) serta XXL RM34 hingga RM36.

Sementara itu, seorang

lagi peniaga, Jin, 60, yang berniaga di pasar itu sejak 40 tahun lalu berkata, sehari dia memperoleh bekalan antara 80 dan 100kg.

“Hendak kata murah tidaklah juga kerana sekarang saya jual RM36 satu kilogram untuk sotong XXL berbanding sebelum ini hanya RM32.

“Kenaikan harga bergantung...kalau bekalan susah dapat dan berkurangan, kita terpaksa bayar mahal kepada pembekal dan naikkan harga jualan terhadap pembeli,” katanya.



PENIAGA sotong di Pasar Chow Kit yang ditemui, semalam.